



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
كلية الدراسات الإسلامية  
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

**AL-TURATH**  
Journal of al-Quran and al-Sunnah

## AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 7 ISSUE 2 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE:

<https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/index>


### Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

### Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University Of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



# Sejarah Pemeliharaan dan Pemuliharaan Mushaf al-Quran

Ahmad Salihin Nasaruddin, Latifah Abdul Majid  
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
*p104757@siswa.ukm.edu.my*

---

## Article history

Received:  
13/05/2022

Received in revised:  
30/06/2022

Accepted:  
01/10/2022

Published online:  
01/12/2022

## Abstrak

Menelusuri sejarah pemeliharaan al-Quran daripada zaman permulaan turunnya wahyu di zaman Rasulullah SAW sehingga masa kini menunjukkan satu usaha murni yang bertujuan untuk menjaga dan melindungi kitab tersebut dari sudut fizikal dan isi kandungannya. Hal demikian terbukti sebagaimana yang telah disebut dalam al-Quran, hadith dan kisah para sahabat iaitu peristiwa sejarah yang mengandungi unsur yang boleh dikaitkan dengan pelupusan al-Quran. Walau bagaimanapun, perbincangan berkaitan pelupusan mashaf al-Quran perlu diteroka dengan lebih terperinci. Justeru, artikel ini mengkaji bagaimana bentuk pemeliharaan dan pemuliharaan mushaf dan bahan yang mengandungi ayat al-Quran dalam sejarah Islam. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif dengan kaedah pengumpulan data secara analisa dokumen seterusnya data dianalisis secara diskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa pemeliharaan al-Quran itu sendiri telah berlaku sejak zaman Rasulullah SAW dan titik permulaan sejarah pelupusan kitab suci al-Quran bermula pada zaman Khalifah Uthman bin Affan, yang mana ketika itu semua mushaf dan lembaran catatan yang mengandungi al-Quran telah diarahkan untuk dibakar. Kajian ini memberi implikasi kepada para ilmuan yang membuat kajian bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kewujudan dan perkembangan tentang perlupusan al-Quran.

**Kata Kunci:** Sejarah, Pemeliharaan, Pemuliharaan, Mushaf al-Qur'an, deskriptif



### Abstract

Tracing the history of the preservation of the Qur'an from the beginning of the revelation in the time of the Prophet SAW until now shows a noble effort that aims to preserve and protect the book from the physical point of view and its content. This is proven as mentioned in the Qur'an, hadith and the story of the companions that is a historical event that contains elements that can be associated with the disposal of the Qur'an. However, the discussion regarding the disposal of the mashaf al-Quran needs to be explored in more detail. Thus, this article examines how the forms of preservation and conservation of mushafs and materials containing Quranic verses in Islamic history. The design of this study is qualitative with the method of data collection by document analysis and then the data is analyzed descriptively. The study found that the preservation of the Qur'an itself has occurred since the time of the Prophet SAW and the starting point of the history of the disposal of the Qur'an began in the time of Uthman bin Affan, at which time all manuscripts and records containing the Qur'an were directed to be burned. This study has implications for scholars who conduct research to provide exposure to the public about the existence and development of the disposal of the Qur'an.

**Keywords: History, Preservation, Conservation, Mushaf al-Qur'an, Descriptive**

### PENGENALAN

Al-Quran adalah kitab suci dan mulia yang diwajibkan bagi setiap umat Islam untuk beriman dengannya. Kitab ini merupakan kitab yang dijamin oleh Allah terpelihara sehingga hari kiamat. Jaminan ini menjadikan al-Quran itu terpelihara daripada sebarang penambahan mahupun pengurangan dalam isi kandungannya walaupun hanya satu titik. Pemeliharaan al-Quran dalam pelbagai bentuk teknologi termasuk fizikal, digital serta hafazan menjadi bukti kukuh bahawa al-Quran tetap terpelihara daripada segala kekurangan dan kesilapan.

Menelusuri sejarah pemeliharaan al-Quran daripada zaman permulaan turunnya wahyu di zaman Rasulullah SAW sehingga masa kini menunjukkan satu usaha murni yang bertujuan untuk menjaga dan melindungi kitab tersebut dari sudut fizikal dan isi kandungannya. Hal ini dapat dilihat melalui turutan peristiwa pengumpulan dan penyusunan al-Quran yang bermula dari zaman Baginda Rasulullah SAW sehingga masa kini.

Umat Islam masa kini, menerima al-Quran dalam keadaan sebuah kitab yang lengkap dan sempurna bahkan ditambah pula dengan kepelbagaian corak, rekaan dan versi yang mudah didapati di pasaran (Noraida Nasir 2020). Ianya bertujuan bagi menjaga supaya kemuliaannya sentiasa terpelihara. Sesungguhnya ia amat menepati sepertimana firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّ لَهُ لَحَافِظُونَ

(Al-Quran: al-Hijr 15: 9)

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Hal ini menunjukkan usaha pemeliharaan al-Quran yang dilakukan semenjak zaman Rasulullah SAW telah disambung dan diwarisi hingga ke hari ini. Pemeliharaan al-Quran merupakan suatu perkara yang amat penting dan perlunya pemeliharaan ini bagi menjaga kesucian dan kemuliaan al-Quran daripada tercemar.

### 1. Metodologi Kajian

Penulisan artikel ini menggunakan metodologi kajian jenis kualitatif sebagai teras utama dan reka bentuk kajian adalah berfokus kepada analisis kandungan (content analysis). Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini dikumpul melalui kajian kepustakaan dan analisis dokumen.

Kajian kepustakaan merupakan kaedah pengumpulan data melalui instrument yang merangkumi buku, jurnal, kertas kerja, latihan ilmiah, tesis, kamus dan bahan-bahan bertulis lain yang bersesuaian. Fokus utama kajian ini adalah mengenai sejarah pemeliharaan dan pemuliharaan al-Quran sejak zaman Rasulullah SAW sehingga kini. Data yang dikumpulkan akan dianalisis secara deskriptif bagi merumuskan tinjauan sejarah pemeliharaan dan pemuliharaan mushaf al-Quran.

## 2. Pemeliharaan Mushaf al-Qur'an

Sejak al-Quran diturunkan, ianya telah dipelihara dengan begitu rapi. Ramai penghafaz al-Quran setiap zaman bermula zaman Rasulullah SAW lagi hinggalah ke hari ini. Al-Quran juga dipelihara dalam bentuk tulisan dimana pada peringkat awalnya ramai penulis al-Quran menghasilkan mushaf. Dan selepas perkembangan teknologi, al-Quran dihasilkan dalam bentuk percetakan.

Namun begitu, percetakan yang berterusan saban tahun menjadikan mushaf ini satu lambakan dan atas sebab-sebab tertentu juga menjadikan pelupusan al-Quran antara salah satu cara untuk kita memelihara mushaf al-Quran. Dalam kajian ini akan membincangkan mengenai salah satu aspek penting dalam pemeliharaan al-Quran iaitu berkaitan dengan cara pemeliharaannya dari segi pelupusan mashaf al-Quran dan bahan-bahan yang mengandungi ayat al-Quran. Pada masa kini, masyarakat Islam mula menjalankan satu usaha untuk melupuskan al-Quran bagi menjaga kemuliaan kitab suci tersebut. Keperluan kepada pelupusan ini adalah untuk menjamin serta mencerminkan kemuliaan Islam daripada dicemari dengan unsur-unsur yang boleh membawa kepada percanggahan dalam urusan agama. Dengan kaedah ini, helaian dan cebisan ayat suci al-Quran yang rosak, koyak dan tidak dapat dimanfaatkan lagi boleh diselamatkan tanpa melanggar hukum hakam dalam Islam (Noraida Nasir 2020).

Bermula pada zaman Khalifah Uthman bin Affan lagi telah berlaku titik permulaan sejarah pelupusan kitab suci al-Quran, yang mana ketika itu semua mushaf dan lembaran catatan yang mengandungi al-Quran telah diarahkan untuk dibakar bagi tujuan melindungi kitab al-Quran daripada percanggahan pada masa hadapan (Noraida Nasir 2020). Tindakan yang telah dilakukan oleh Khalifah Uthman ini dapat mencegah daripada berlakunya penyelewengan ayat al-Quran atau Kalamullah ini. Secara tidak langsung, ianya merupakan satu ijtihad yang penting bagi menyelesaikan masalah umat berhubung penghapusan kitabullah dan usaha Khalifah Uthman ini dilihat sebagai satu tindakan mulia dalam menjaga dan memelihara al-Quran daripada sebarang perubahan mahupun penggantian hurufnya.

Tercetusnya peristiwa pembakaran al-Quran yang pertama dalam sejarah Islam adalah disebabkan oleh permasalahan perbezaan Qira'ah al-Quran (Noraida Nasir 2020). Antara faktornya Nabi Muhammad SAW menyampaikan dan mengajar al-Quran kepada para sahabat RA bukan dengan hanya satu wajah sahaja bahkan dengan pelbagai wajah. Jumhur ahli Muqri berpendapat bahawa terjadinya khilaf *Qiraah Tujub* dan lain-lain adalah kerana masahif yang diutus ke pelusuk wilayah Islam tiada titik dan baris. Praktikal bacaan penduduk wilayah-wilayah tersebut adalah berdasarkan apa yang mereka dengar daripada para sahabat RA dengan syarat ianya mesti bertepatan dengan penulisan yang disepakati. Kaedah ini merupakan suatu kepatuhan terhadap arahan Sayyidina Uthman yang disepakati oleh semua sahabat RA (Ahmad Khalid 2001: Sabri Mohammad 2017).

Pada tahun 25 hijrah, Hudhayfah ibn al-Yaman, iaitu seorang ketua angkatan tentera Islam dalam operasi penaklukan Armenia dan Azerbaijan telah menyaksikan peristiwa pertelingkahan umat Islam. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Ibn Shihab bahawa Anas bin Malik menceritakan kepadanya:



حَدَّثَهُ أَنَّ حُلَيْفَةَ بِنَ الْيَمَانِ قَدِمَ عَلَى عُثْمَانَ وَكَانَ يُعَاذِي أَهْلَ الشَّامِ فِي فَتْحِ إِرْمِينِيَّةٍ وَأَدْرَرِيَجَانَ مَعَ أَهْلِ الْعِرَاقِ فَأَفْرَجَ حُلَيْفَةَ اخْتِلَافُهُمْ فِي الْقِرَاءَةِ فَقَالَ حُلَيْفَةُ لِعُثْمَانَ - أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ أَدْرِكْ هَذِهِ الْأُمَّةَ قَبْلَ أَنْ يَخْتَلِفُوا فِي الْكِتَابِ اخْتِلَافَ الْيَهُودِ وَالنَّصَارَى فَأَرْسَلَ عُثْمَانَ إِلَى حَفْصَةَ أَنْ أَرْسِلِي لِي لِيُنَا لَصُحُفٍ نَسَخْتَهَا فِي الْمَصَاحِفِ ثُمَّ رَدَّهَا إِلَيْكَ فَأَرْسَلَتْ بِهَا حَفْصَةُ إِلَى عُثْمَانَ فَأَمَرَ زَيْدُ بْنُ بَيْتٍ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ وَسَعِيدُ بْنُ الْعَاصِ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ الْحَارِثِ بْنِ هِشَامٍ فَنَسَخُوهَا فِي الْمَصَاحِفِ وَقَالَ عُثْمَانُ لِلرَّهْطِ الْقُرَشِيِّينَ الثَّلَاثَةِ إِذَا اخْتَلَفْتُمْ لَنْتُمْ وَزَيْدُ بْنُ بَيْتٍ فِي شَيْءٍ مِنَ الْقُرْآنِ فَارْتَبُوهُ بِلِسَانِ قُرَيْشٍ فَإِذَا نَزَلَ بِلِسَانِهِمْ فَعَلُوا حَتَّى إِذَا نَسَخُوا الصُّحُفَ فِي الْمَصَاحِفِ رَدَّ عُثْمَانُ الصُّحُفَ إِلَى حَفْصَةَ وَأَرْسَلَ إِلَى كُلِّ أَقْصَى بِمُصْحَفٍ مِمَّا نَسَخُوا وَأَمَرَ بِمَا سِوَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مُصْحَفٍ أَنْ يُحْرَقَ.

Maksudnya:

Bahawa Hudhayfah ibn al-Yaman datang bertemu ‘Uthman, pada waktu itu beliau sedang memerangi penduduk Syam untuk membuka Negara Armenia dan Azerabaijan bersama dengan penduduk Iraq. Beliau amat bimbang dengan perselisihan pendapat mereka dari segi bacaan al-Quran. Hudhayfah berkata kepada ‘Uthman, “Wahai Amirul Mukminin, selamatkan umat ini sebelum mereka bercanggah tentang bacaan al-Quran seperti berlaku pecanggahan di kalangan Yahudi dan Nasrani. Maka, ‘Uthman mengutuskan utusan bertemu Hafsa, supaya beliau kirimkan mushaf untuk disalin dalam beberapa naskah. Selepas itu kami akan kembalikan maskah asal kepadanya. Hafsa mengirimkan kepada ‘Uthman, lalu beliau mengarahkan Zayd bin Thabit, ‘Abd Allah bin Zubayr, Sa’id bin Al- As dan Abd al- Rahman bin Harith bin Hisham menyalinnya dalam beberapa naskah. ‘Uthman berpesan kepada tiga orang keturunan Quraish dikalangan kumpulan tadi dengan katanya “Jika kamu bercanggah dengan Zayd bin Thabit tentang apa-apa berkenaan al-Quran hendaklah kamu menulisnya menggunakan dialek Quraish kerana sesungguhnya ia turun dalam bahasa mereka (Quraisy). Sehingga mereka selesai menyalinnya ‘Uthman kembalikan naskah asal kepada Hafsa dan mengirimkan naskah yang disalin ke seluruh pelusuk. Beliau juga mengarahkan segala salinan atau mushaf lain yang bukan dari salinan asal agar dibakar.

(al-Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab Fadail al-Quran, Bab Jam’ al-Quran no.4702)

Daripada petikan tersebut, Hudhayfah telah meminta kepada Khalifah ‘Uthman supaya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan pertelingkahaan yang berlaku dikalangan umat Islam pada ketika itu. Khalifah Uthman telah mengambil keputusan untuk menyalin semula beberapa mushaf yang baru untuk disebarkan kembali ke seluruh wilayah takluk Islam kerana kebimbangan beliau terhadap perselisihan yang berlaku. Proses penyalinan semula mushaf tersebut berpandukan kepada mushaf pertama yang terhasil pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq (Hakim Rosly 2015). Hafsa binti ‘Umar telah menerima semula proses penyalinan Mushaf Abu Bakar setelah ianya diselesaikan. Mushaf tersebut disalin dalam beberapa naskah dan kemudiannya dihantar ke seluruh wilayah takluk Islam. Peristiwa yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari jelas membuktikan ijihad yang dilakukan oleh Khalifah ‘Uthman demi kebaikan umat. Beliau diertikan sebagai seorang tokoh yang berusaha menyatukan umat Islam daripada terjadinya perselisihan dan fitnah berdasarkan keputusan beliau menyeragam dan membukukan al-Quran (Zawawi 1997).

Penghasilan jumlah mushaf telah mendapat perselisihan daripada sebilangan ulama. Menurut riwayat yang lebih kuat bilangan salinan yang ditulis oleh panel tersebut adalah sebanyak enam mushaf. Naskah tersebut ialah *Mushaf Basri*, *Mushaf Kufi*, *Mushaf Shami*, *Mushaf Makki*, *Mushaf Madani’ Am (Abli Madinah)* dan *Mushaf Madani Khas* iaitu mushaf yang khusus ditulis untuk Khalifah ‘Uthman sahaja dan mushaf ini juga digelar *Mushaf al- Imam*. Seluruh wilayah takluk Islam

telah menjadikan mushaf tersebut sebagai sebuah kitab standard untuk rujukan (Syeikh Muhd Mujahid 2013).

Menurut ‘Abdul Fattah al-Qadi dalam *Kitab Tarikh al-Mushaf al- Sharif, Mushaf al-Imam* merupakan mushaf yang pertama dihasilkan dan menjadi rujukan untuk penyalinan bagi lima buah mushaf yang lain pada masa tersebut. Oleh yang demikian, sebagaimana mushaf yang dimiliki oleh Khalifah Uthman, mushaf yang lain jugak layak diberi gelaran sebagai Mushaf al-Imam. Terdapat pendapat lain juga mengatakan terdapat lapan naskhah al-Quran yang disalin iaitu selain enam di atas, dua lagi dihantar ke Yaman yang dikenali sebagai *Mushaf Yamani* dan Bahrain yang dikenali sebagai *Mushaf Bahraini* (Abu Mardhiyyah 2012).

Mushaf Abu Bakar telah ditambah baik dengan pelbagai keistimewaan untuk menghasilkan *Mushaf Uthmani*. *Mushaf Uthmani* mencerminkan sudut penyusunan ayat dan surah seperti yang sedia ada dalam kitab al-Quran hari ini. Di samping itu, mushaf ini juga hanya mengambil ayat-ayat al-Quran yang sudah tetap, manakala ketika ianya diturunkan, segi tulisan memenuhi segala bentuk tanda dan bacaan. Bukan itu sahaja, mushaf ini hanya mencatat ayat-ayat al-Quran sahaja dan meninggalkan ayat-ayat huraian juga meninggalkan tanda-tanda ayat tersebut nasikh atau mansuh. Penerimaan sesuatu ayat hanya tertentu ke atas bacaan yang tawatur sahaja dan meninggalkan bacaan daripada riwayat Ahad (Asmawi 2010).

Khalifah Uthman turut mengarahkan sahabat mengikut lafaz dan lahjah Quraisy dalam penulisan *Mushaf Uthmani* dari sudut penulisan dan rasmnya. *Mushaf Uthmani* merangkumi keseluruhan tujuh huruf dan mengikut Qiraat yang mutawatir sebagaimana semakan yang terakhir pada zaman Rasulullah (Syeikh Muhd Mujahid 2013). Para sahabat menerima baik usaha yang dilakukan oleh Khalifah Uthman. Justeru, umat Islam bersepakat terhadap *Mushaf Rasm Uthmani*. Al-Quran di seluruh pelusuk dunia telah disalin oleh kaum muslimin berpandukan kepada *Mushaf Uthmani*.

Setelah itu, Khalifah Uthman mengarahkan supaya segala lembaran, catatan dan mushaf selain *Mushaf Uthmani* diarahkan supaya dihapuskan dengan cara membakar. Tindakan ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan dikalangan umat Islam (Syeikh Muhd Mujahid 2013). Khalifah Uthman juga memerintahkan suhuf yang ditulis oleh sahabat besar seperti Mushaf ‘Ali bin Abi Talib, ‘Abd Allah bin Mas’ud dan Ubay bin Ka’ab dikekalkan manakala yang lain haruslah disita.

Pada zaman Khalifah ‘Uthman, *Mushaf Abu Bakar* yang digunakan sebagai rujukan utama untuk menghasilkan *Mushaf Uthmani* tidak dihapuskan sebaliknya dihantar kembali kepada Saidatina Hafsa binti ‘Umar, disimpan oleh beliau sehingga meninggal dunia. Setelah itu, mushaf tersebut telah diserahkan oleh saudara lelakinya iaitu Abd Allah bin ‘Umar kepada Marwan bin Hakam pemimpin Madinah pada zaman pemerintahan Khalifah Muawiyah bin Abu Sufyan. Marwan bin Hakam telah memerintahkan mushaf tersebut dibakar demi mengelakkan keraguan kepada umat Islam. Peristiwa pembakaran tersebut berlaku pada zaman Tabi’in (Mohd Rahim Jusoh 2008, Noraida Nasir 2020).

Ali bin Abi Talib telah menyatakan bahawa pembakaran al-Quran akan dilakukan oleh beliau sendiri jika ianya tidak dilakukan oleh Khalifah Uthman. Namun demikian, pada peringkat awalnya, ramai yang tidak bersependapat dengan arahan Khalifah Uthman. Sebilangan sahabat dan tabi’in menentang arahan Khalifah ‘Uthman kerana perbuatan tersebut tidak pernah dilakukan oleh dua khalifah yang terawal iaitu Khalifah Abu Bakar al-Siddiq dan Khalifah ‘Umar ibn al-Khattab. Diriwayatkan dengan perbuatan ini menyebabkan Ibn Mas’ud merasa tersinggung kerana mushaf daripadanya diambil dan dibakar. Beliau mengatakan beliau lebih awal memeluk Islam daripada Zayd bin Thabit (Hussain 2008). Beliau juga telah menerima surat daripada Khalifah ‘Uthman untuk bersatu dan mengikuti para sahabat atas suatu kemaslahatan umat. Beliau menerima ajakan tersebut dan meninggalkan perselisihan sekaligus bersetuju dengan

arahan Khalifah 'Uthman. Sahabat telah menerima baik arahan Khalifah 'Uthman untuk membakar segala lembaran selain *Mushaf 'Uthmani* dan mereka melaksanakan tuntutan tersebut dengan hati yang terbuka demi kepentingan umat Islam (Abu Mardhiyyah 2012).

Tindakan yang diambil oleh Khalifah 'Uthman membuktikan bahawa kaedah yang terbaik untuk menyelamatkan kitab al-Quran daripada penyalahgunaan dan penyelewengan pada masa hadapan adalah dengan membakarnya. Bahkan, kaedah itu tidak dianggap sebagai satu penghinaan kerana ia merupakan kaedah terbaik untuk menghapuskan sumber tersebut daripada berlakunya kembali pertelingkahan seperti yang terjadi sebelum-sebelumnya (Asmawi 2010). Tambahan pula, ijihad tersebut dikelaskan sebagai satu tindakan yang betul dan relevan untuk dilaksanakan (Abu Mardhiyyah 2012).

Isu penghapusan kitabullah ini diselesaikan dengan baik hasil keputusan yang telah dilakukan oleh Khalifah Uthman dan ianya merupakan satu ijihad yang sangat penting. Secara tidak langsung, kitab al-Quran dapat dilindungi daripada sebarang bentuk penyelewengan dan penghinaan. Pada awalnya, terdapat segelintir sahabat dan Tabi'in yang tidak bersetuju dengan tindakan Khalifah 'Uthman. Namun, mereka semua bersetuju dan bersepakat bersama-sama meraikan kaedah yang digunakan oleh Khalifah 'Uthman dalam menghapuskan lembaran catatan al-Quran dan mushaf yang selain daripada *Mushaf 'Uthmani* demi kemaslahatan umat.

Mahmud Haji Harun ct.al (2016) *Mushaf 'Uthmani* yang berjaya dikumpulkan oleh Khalifah 'Uthman ini merupakan satu kejayaan yang besar dalam sejarah Islam kerana mampu menyatukan kepelbagaian huruf al-Quran dalam sebuah mushaf. Sehingga zaman kini, kaedah penulisan al-Quran menggunakan *Rasm 'Uthmani* iaitu *Rasm Istilabi* sebagai satu standard yang diwarisi secara turun temurun. Usaha Khalifah 'Uthman ini merupakan tindakan mulia dalam menjaga dan memelihara al-Quran daripada sebarang perubahan mahupun penggantian hurufnya.

### 3. Pemuliharaan Mushaf al-Qur'an

Dunia kini telah memperkenalkan usaha untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar dan menampung ketandusan sumber alam. Teknologi hijau menjadi salah satu usaha yang terbabit kerana ia dilihat mampu membantu manusia untuk mencapai pembangunan lestari (Norizan et.al. 2016). Di samping perawatan mashaf al-Quran tersebut dapat menghasilkan produk baharu yang memberi manfaat.

Sejarah juga telah melakarkan bahawa ketamadunan Islam juga pernah gemilang dengan bidang ilmu sains dan teknologi. Pada tahun 750M sehingga 1100M merupakan zaman kegemilangan sains dan teknologi Muslim. Sejarah juga telah menunjukkan bahawa Islam mempunyai zaman kegemilangannya. Masyarakat Islam itu sendiri telah membina satu tradisi sains dan teknologi yang mendorong pertumbuhan dan kewujudan teknologi moden di Eropah (Alias 2013). Selama 800 tahun di bawah pemerintahan Islam, Sepanyol telah menjadi sebuah negara yang bertamadun dan berpengetahuan tinggi.

Teknologi hijau ini ialah satu aplikasi sains alam, gabungan pelbagai kaedah dan bahan-bahan tertentu dan juga gabungan ilmu pengetahuan alam dan teknologi untuk memelihara alam sekitar dan sumber semula jadi. Tujuannya adalah untuk membendung kesan negatif daripada aktiviti manusia serta membangunkan pelbagai peralatan yang berasaskan konsep hijau dan produk mesra alam untuk kegunaan masyarakat (Farahwahida et.al. 2013; Ruzian 2014; Norizan 2016). Kelestarian alam sekitar dan teknologi hijau mempunyai elemen yang saling berkaitan dan dapat direalisasikan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Malah ia memberi kesan positif kepada persekitaran (Norizan et.al. 2016) serta memenuhi tuntutan maqasid syariah (Nur Hidayah et.al 2016).

Nurul Jannah et.al. (2018) berpandangan bahawa pelupusan al-Quran termasuk dalam masalah al-mursalat kerana ia memenuhi keperluan manusia. Kaedah pelupusan yang sedia ada bersifat tidak mesra alam dan menjejaskan kualiti alam sekitar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar al-Quran atau bahan yang mengandungi ayat al-Quran dikitar semula. Langkah-langkah mengitar semula tersebut adalah sama, sebagaimana termaktub dengan garis panduan pelupusan buku pendidikan Islam (JAKIM 2015).

Menurut Musharraf Hussain (2012), teks agama termasuk helaian al-Quran yang koyak perlu diletakkan di tempat yang suci atau dimasukkan ke dalam tong kitar semula yang bersih dan ia boleh dikitar semula. Beliau mengambil beberapa pandangan fatwa yang menyatakan dan mengesyorkan kitar semula kertas teks suci tersebut dengan syarat tulisan tersebut telah dihilangkan. Antara pandangan yang dinukilkannya adalah daripada Maulana Ahmed Raza Khan “tidak dibenarkan menggunakan kertas dengan teks agama yang ditulis pada mereka sebagai kertas pembalut. Jika ia memiliki nama Allah yang Maha Kuasa atau Rasul yang diberkati, maka diperbolehkan menghapusnya sehingga ia boleh digunakan sebagai kertas pembalut”.

Pandangan tokoh lain, Azhar Idrus (2011) menyatakan teknik rendaman dapat menghilangkan tulisan ayat al-Quran pada kertas. Oleh itu kertas tersebut boleh dijadikan untuk kegunaan yang lain kerana sifat dan hukumnya sebagai al-Quran sudah hilang. Bahkan Nasyrul Quran Malaysia mengitar semula kertas tersebut untuk dijadikan sebagai kertas bagi penulisan ayat al-Quran dan penghasilan khat. Naskhah al-Quran lama direndam dan dikisar, kemudian diterap menjadi kepingan kertas nipis.

Amalan mengitar semula kertas atau sisa pelupusan juga dapat menangani isu pembaziran. Solahuddin Azuwa (2017) menyatakan pembaziran kertas dalam industri pada setiap tahun semakin meningkat secara beransur-ansur. Kertas yang dihancurkan telah dibuang sebagai sisa di belakang kilang atau tapak pelupusan. Contohnya lambakan teks dan bahan yang mengandungi ayat al-Quran serta al-Quran yang lusuh, rosak dan tidak boleh dipakai lagi menjadi satu isu yang perlu diberi perhatian. Ia perlu dilupuskan dengan cara yang ditetapkan oleh syarak malah cara tersebut perlu efisien dengan kos yang optimum dan risiko pencemaran alam sekitar yang minima. Pembuangan sisa pembakaran dalam bentuk debu atau kiub abu di kawasan perairan sama ada laut atau sungai boleh menjejaskan kualiti air dan alam sekitar. Misalnya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu telah melupuskan 103.4 tan bahan semenjak kaedah pelupusan tersebut diperkenalkan pada tahun 2012 hingga 2018 (Harian Metro 2018). Sehubungan dengan itu, kaedah dan prosedur sedia ada wajar diteliti semula sejajar dengan perkembangan teknologi tanpa berkompromi dengan kehormatan dan kesucian al-Quran.

Oleh kerana itu, kaedah pelupusan mashaf al-Quran yang rosak dan bahan-bahan yang mengandungi ayat al-Quran sebagaimana termaktub dalam garis panduan JAKIM itu, wajar diteliti semula. Seiring dengan perkembangan teknologi, kaedah pelupusan dan perawatan mashaf al-Quran perlu mengambil kira ciri-ciri permuliharaan yang dapat melestarikan dan memelihara alam sekitar.

## **KESIMPULAN**

Umat Islam dikurniakan rezeki dan nikmat yang tak terhingga sehingga ke hari ini dengan penghasilan kitab suci al-Quran. Bermula daripada zaman Rasulullah sehinggalah kini mengenai pemeliharaan kesucian dan kemuliaan kitab suci ini, dapat dilihat usaha dan pengorbanan umat Islam dalam melindungi kitab tersebut daripada sebarang ancaman yang boleh menjejaskannya. Setiap langkah yang dibina untuk memastikan kesucian al-Quran apabila berlakunya ancaman yang menjejaskannya membuktikan para cendekiawan Islam bersungguh-sungguh membanting tulang usaha masing-masing demi kelangsungan keaslian kitab al-Quran.



Aktiviti pelaksanaan pelupusan lembaran al-Quran dilihat sebagai satu peristiwa yang bersejarah untuk memelihara al-Quran. Ijtihad Sayyidina 'Uthman untuk melindungi kitab al-Quran telah memperlihatkan tindakannya dengan membakar segala lembaran selain Rasm 'Uthmani yang telah dihasilkan. Setiap Muslim bertanggungjawab ke atas setiap satu perkara yang melibatkan kesucian al-Quran ini untuk dihormati dan dilindungi daripada sebarang bentuk penghinaan.

## Bibliografi

- Abu Mardhiyyah (pnys.). 2012. *Sejarah al-Quran*. Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise.
- Ahmad Muhammad, Ahmad Khalid & Khalid, Muhammad. 2001. *Muqaddimat di 'Ilm al-Qiraat*. 'Amman: Dar 'Amman.
- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il. 2008. *al-Jami' al-Sahih al-Bukhari*. Jiddah: Dar al-Minhaj.
- Alias, A. (2013). *Sains dan Teknologi dalam Ketamadunan Islam: Analisa Epistemologi dan Metodologi*. Jurnal Al-Tamaddun Bil, 8(1), 51-66.
- Asmawi bin Hj Ehsan. 2010. *Ulum al-Quran*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Azhar Idrus. 2011. Lupus Cebisan al-Quran. <https://www.youtube.com/watch?v=NrDdxcLMP8U>
- Farahwahida Mohd Yusof, Arieff Salleh Rosman, Salwah Mahmood, Siti Hajar Mat Sarip & Teh Ubaidah Noh. 2013. Green Technology Management in the Muslim World. *Jurnal Teknologi*. Skudai: UTM Press.
- Hakim Rosly. 2015. Adab Berdamping Dengan al-Quran. Terj. Al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Quran. Selangor: Publishing House Sdn. Bhd.
- Mahmud Haji Harun, Muhammad Bukhari Lubis & Abu Hassan bin Abdul. 2016. *Sejarah Penulisan Mushaf di Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Mushaf Istiqlal Indonesia Dengan Mushaf Tab'an Ain Al-Taqwa Malaysia*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Musharraf Hussain. 2012. Recycling Papers with Sacred Text. 22 September. <https://www.musharrafhussain.com/recycling-papers-with-sacred-text/>
- Mohd Rahim Jusoh bin Musa. 2008. *Tarikh al-Quran dan Rasm 'Uthmani*. Jil.1. Selangor: Pustaka Khodim al-Mushaf.
- Noraida Nasir. 2020. *Kaedah Pengurusan Pelupusan Bahan Al-Quran di Seremban: Satu Analisa dari Sudut Al-Quran dan Al-Sunnah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizan Hassan, Hussin Salamon & Hasimah Abdul Rahman. 2016. *Sumbangan Teknologi Hijau Dalam Ketamadunan Islam*. Sains Humanika 8:3-2 (2016) 29-37. Johor: UTM Press.
- Nur Hidayah Abdul Jabar, Zul Ilham, Shaikh Mohd Saifuddeen & Noor Naemah Abdul Rahman. 2016. Green Energy Towards Sustainability from The Islamic Perspective. *International Journal of Sustainable Future for Human Security*. Vol.3, No.2
- Nurul Jannah binti Zainan Nazri, Raudlotul Firdaus binti Fatah Yasin, Sofiah binti Samsudin, Natirah Azira binti Ghazali. 2018. *Cyclic Process Approach for Disposing Islamic Literature Material In Malaysia: A Study*. 9th UUM International Legal Conference. The European Proceedings of Social and behavioural Sciences.
- Sabri Mohamad & Mohd Faizulamri Mohd Saad. 2017. *Pengajian Ilmu Qiraat Quraniyyah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Solahuddin Bin Azuwa. 2017. *The Effect of Shredded Paper as Partial Sand Replacement on Properties of Cement Sand Brick*. Tesis Sarjana Muda. Pahang: UMP.
- Syeikh Muhd Mujahid. 2013. *Ensiklopedia al-Quran*. Selangor: Must Read Sdn. Bhd.